

1984

KUALA LUMPUR, 31 JAN. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN HARI INI BAHAWA KESTABILAN POLITIK DAN KESONAMBUNGAN KEPEHLINAN NEGARA ADALAH PENTING UNTUK MEWUJUDKAN SUASANA SELAMAT BAGI PARA PELABUR.

PERDANA MENTERI BERKATA DARI SEGI KESTABILAN POLITIK IA AMAT PENTING SEBAGAI FAKTOR UTAMA MENYAKINKAN PARA PELABUR TERUS MELABUR DI NEGARA INI DAN DARI SECJ: KESONAMBUNGAN KEPIMPINAN PULA IA SAMAPENTING SUPAYATIDAK ADA PERTUKARAN OASAR YANG RADIKAL.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KEPADA PARA PEMBERITA SEKEMBALINYA DARIPADA LAWATAN KE KANADA, AMERIKA SYARIKAT, PERANCHIS DAN SWITZERLAND MENEMUI PARA PEMIMPIN, PELABUR DAN PENGUSAHA DI SA-

NA.
DATUK SERI DR MAHATHIR MENSIFATKAN LAWATANNYA KE EMPAT BUAH NEGARA ITU SEBAGAI BERJAYA MENCAPAI MATLAMATNYA.

+KITA AKAN TERUS MENGAMBIL TINDAKAN MENERUSI DIALOG, LAWATAN PARA PEMIMPIN NEGARA-NEGARA MAJU KE NEGARA INI DAN MELAKSANAKAN SEGALA YANG DIPERSETUJUI, + KATANYA, -- LAGI 2030/ZCM

INI ADALAH UNTUK MENGEKALKAN TEMPO PERSAFAHAMAN DAN PERHUBUNGAN ANTARA NEGARA-NEGARA MAJU DENGAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN, JEGASNYA.

PERDANA MENTERI JUGA MENYATAKAN LAWATANNYA ITU JUGA TELAH MEMBOLEHKAN MALAYSIA MENWUJUDKAN PERHUBUNGAN DENGAN PARA PEMIMPIN NEGARA-NEGARA TERSEBUT UNTUK MEDEKA MENGETAHUI DAN MEMAHAMI KEPERLUAN NEGARA INI.

KATANYA BELIAU TELAH MENEKANKAN TENTANG PERLUNYA MEREKA TIDAK SAHAJA MENUMPUKAN KEPADA USAHA MENGEKSPORT BARANGAN MEREKA TETAPI MEREKA JUGA HENDAKLAH MEMBELI BARANGAN KILANG NEGARA INI.

DISAMPING ITU, KATANYA, MEREKA JUGA PERLU JUGA MEMIKIRKAN TENTANG USAHA MELABUR DI MALAYSIA.

SEMASA DI CANADA, PERDANA MENTERI BERKATA MALAYSIA TELAH MENDAPAT BANYAK SIMPATI DAN KEPFAHAMAN AKAN KEADAAN DI MALAYSIA.

DI BANDAR TORONTO BELIAU SANGAT -- BANGGA DENGAN PRETASI KILANG GUTHRIE YANG MENGELUARKAN KOMPONEN BAGI SYARIKAT KERETA GENERAL MOTORS DI AMERIKA SYARIKAT. -- LAGI 2045/SA

MAHATHIR-PELABUR 3 KUALA LUMPUR.

KATANYA PENGALAMAN DARI USAHA KILANG ITU DAPAT DIGUNAKAN UNTUK KELUARAN KOMPONEN INDUSTRI YANG SAMADI NEGARA INI.

MENGENAI PERTEMUANNYA DENGAN PARA PENUNTUT DI CANADA DAN AMERIKA SYARIKAT, DATUK SERI DR MAHATHIR MENSIFATKANYA PERTEMUAN TERSEBUT BEGITU MESRA SEKALI DAN MENAMBAH MEREKA SEDANG MENUNJUKKAN MINAT YANG MENDALAM DALAM PELAJARAN.

BAGAIMANAPUN, KATANYA TERDAPAT SEGOLONGAN KECIL DARIPADA MEREKA ITU SEDIKIT SEBANYAK TERPENGARUH DENGAN KEGIATAN ORANG-ORANG YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB.

TAMBAHNYA BELIAU JUGA TELAH MENJELASKAN MENGENAI KEADAAN DAN PERKEMBANGAN SEMASADI NEGARA INI.

BELIAU JUGA MENYATAKAN BAHAWA MENTERI PERDAGAN DAN PERINDUSTRIAN PERANCHIS AKAN MELAWAT MALAYSIA PADA BULAN DEPAN UNTUK MELANJUTKAN PERBINCANGAN YANG TELAH DIADAKAN DI PARIS.
--- BERNAMA 2107/LK